

**KARYA-KARYA AUTOBIOGRAFI DAN
TRAVELOG ABDULLAH MUNSUYI:
SATU KAJIAN RUNDINGAN IDENTITI**

NOORDIN MOHD NOOR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**KARYA-KARYA AUTOBIOGRAFI DAN
TRAVELOG ABDULLAH MUNSUYI:
SATU KAJIAN RUNDINGAN IDENTITI**

oleh

NOORDIN MOHD NOOR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2018

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah membantu saya dalam beberapa perkara sehingga selesai penulisan tesis ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia utama iaitu Profesor Dato' Sohaimi Abdul Aziz yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang membina dari awal hingga selesai penulisan tesis ini. Bimbingan dan ilmu beliau amat berharga bagi saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kalungan kasih kepada isteri, Dr. Suzana Muhammad yang sentiasa memberikan sokongan dalam pelbagai bentuk sepanjang usaha menyiapkan tesis ini. Kalungan kasih sayang untuk anak-anak, Nuratiqah Imani dan Nur Saifi Hanif yang sentiasa bersama-sama walaupun ada kalanya saya tidak dapat bersama-sama mereka seratus peratus. Hal ini demikian kerana dalam fikiran saya sentiasa memikirkan "apa lagi yang mahu kubuat untuk kajian ini?"

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kekanda Profesor Noriah Mohamed kerana sudi membaca dan memperbetul gaya bahasa disertasi ini untuk menjadikannya sebuah karya yang bersifat akademik.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada Universiti Sains Malaysia, melalui Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Institut Pengajian Siswazah dan individu-

individu yang tidak disebutkan namanya satu demi satu kerana memberikan kesempatan serta mambantu saya menyelesaikan pengajian peringkat doktor falsafah.

KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iv
Senarai Gambar	vii
Senarai Rajah	viii
Abstrak	ix
Abstract	xi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	6
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Skop Kajian	14
1.4.1 Pengenalan Teks Kajian	18
1.5 Kesahihan	21
1.6 Sorotan Kajian	24
1.7 Kerangka Teori	41
1.7.1 Teori Rundingan Identiti dan Kerangka Konseptual	44
1.7.2 Verifikasi Kendiri	45
1.7.3 Pengesahan Gelagat	48
1.8 Kaedah Kajian	54
1.9 Perkembangan Bab	55

BAB 2: LATAR BELAKANG ABDULLAH MUNSYI

2.0	Pengenalan	58
2.1	Latar Belakang Kelahiran	58
2.2	Latar Belakang Kanak-kanak	60
2.3	Latar Belakang Remaja	62
2.4	Latar Belakang Dewasa	63
2.5	Kesimpulan	70

BAB 3: VERIFIKASI KENDIRI

3.0	Pengenalan	73
3.1	Verifikasi Kendiri Abdullah Munsyi dengan Masyarakat Melayu Biasa	76
3.2	Verifikasi Kendiri Abdullah Munsyi dengan Golongan Atasan Melayu dan Golongan Atasan Lain	86
3.3	Verifikasi Kendiri Abdullah Munsyi dengan Pihak Barat	112
3.4	Kesimpulan	126

BAB 4: PENGESAHAN GELAGAT

4.0	Pengenalan	130
4.1	Pengesahan Gelagat Abdullah Munsyi dengan Masyarakat Melayu Biasa	131
4.2	Pengesahan Gelagat dengan Golongan Melayu Atasan	137
4.3	Pengesahan Gelagat Orang Cina	171
4.4	Pengesahan Gelagat Peranakan Keling	183
4.5	Pengesahan Gelagat Abdullah Munsyi dengan Orang Barat	190
4.5.1	Pengesahan Gelagat Pegawai British	192
4.5.2	Pengesahan Gelagat Golongan Paderi	211
4.6	Kesimpulan	223

BAB 5: KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	235
5.1	Dapatan Kajian	236
5.1.1	Verifikasi Kendiri	236
5.1.2	Pengesahan Gelagat	239
5.2	Kesimpulan	250
	BIBLIOGRAFI	251

SENARAI GAMBAR

		Halaman
Gambar 4.1	Thomas Stamford Raffles	189
Gambar 4.2	Lord Minto	197
Gambar 4.3	William Farquhar	202
Gambar 4.4	William Milne	209

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Rundingan Identiti Abdullah Munsyi	53

KARYA-KARYA AUTOBIOGRAFI DAN TRAVELOG ABDULLAH

MUNSYI: SATU KAJIAN RUNDINGAN IDENTITI

ABSTRAK

Abdullah Munsyi mempunyai identiti sebagai seorang Peranakan Keling dan identitinya berbeza daripada identiti Melayu dan Barat. Namun beliau dapat menempatkan dirinya sebagai tokoh yang dihormati dan dikenali oleh masyarakat Melayu dan Barat khususnya Inggeris. Bagaimanakah Abdullah dapat melakukannya? Kajian ini mempunyai tiga tujuan yang berhubungan. Tujuan pertama ialah menganalisis rundingan identiti yang terjadi antara Abdullah dengan golongan yang disasarkannya. Tujuan kedua ialah mengkaji bagaimana Abdullah melakukan rundingan identiti tersebut. Tujuan ketiga ialah mengetahui hasil rundingan tersebut. Kajian ini menggunakan teori rundingan identiti yang dikemukakan oleh William B. Swann dan diperkukuhkan oleh Larry A. Samnovar, North, R.J dan Mark Snyder. Kajian ini mengkaji tiga buah karya Abdullah iaitu *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Kelantan* dan *Kisah pelayaran Abdullah dari Singapura ke Mekah*. Kajian ini membuktikan terdapat dua hala rundingan identiti yang terjadi antara Abdullah dengan masyarakat yang disasarkannya. Pertama, Abdullah melakukan verifikasi sendiri kepada masyarakat Melayu dengan memperlihatkan gelagat sebagai guru bahasa Melayu, guru mengaji al Quran dan jurutulis bahasa Melayu. Gelagat Abdullah disahkan oleh masyarakat Melayu dengan menjadikan Abdullah sebagai pakar rujuk dalam bidang bahasa Melayu dan guru al Quran. Golongan bukan Melayu seperti Cina dan Peranakan Keling yang lain pun turut mengesahkan gelagatnya

iaitu berkenaan kepandaian dalam bidang bahasa. Apabila berhadapan dengan pihak Inggeris pula, Abdullah membuat verifikasi sendiri dengan gelagatnya sebagai pakar rujuk bahasa dan budaya Melayu yang berfikiran progresif iaitu pro kepada Inggeris. Akibatnya Inggeris mengesahkan gelagat Abdullah itu dengan menerimanya sebagai penterjemah dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris. Abdullah juga diterima oleh paderi Inggeris sebagai editor kepada kitab Injil yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Walau bagaimana pun ada dalam kalangan masyarakat Melayu tidak dapat menerima gelagat Abdullah mengedit kitab injil. Berkemungkinan kerana bimbang akidah Abdullah Munsyi terhadap Islam telah terpesong. Sungguhpun beliau mengedit kitab Injil, Abdullah membuat verifikasi bahawa beliau tidak murtad, beliau masih Islam dan menunaikan rukun Islam kelima dengan pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji. Namun verifikasi sendiri ini masih tidak diterima dan beliau telah dilabelkan sebagai Abdullah Paderi. Kajian ini akan memberikan sumbangan kepada kajian terhadap karya-karya Abdullah. Kajian ini juga membuka satu ruang kajian lanjutan tentang rundingan identiti dalam karya-karya sastera Melayu yang lain.

ABDULLAH MUNSYI'S AUTOBIOGRAPHICAL WORK AND
TRAVELOUGUES: A STUDY OF IDENTITY NEGOTIATION

ABSTRACT

Abdullah Munsyi has an identity of Peranakan Keling and this identity differ from Malay and Western identities. However, he was able to position himself as a respected and recognized figure by the Malay and Western communities especially the British. How can Abdullah do it? This study has three related objectives. The first objective is to analyze the identity negotiations between Abdullah and his targeted group. The second is to study how Abdullah negotiates the identity. The third is to know the outcome of the negotiations. This study uses the theory of identity negotiations introduced by William B. Swann and reinforced by Larry A. Samnovar, North, R.J and Mark Snyder. This study examines Abdullah's three works, *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Kelantan* dan *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura ke Mekah*. This study proves that there is a two-way of identity negotiation between Abdullah and his targeted community. Firstly, Abdullah performed self-verification to the Malay community by demonstrating his behavior as a Malay language teacher, a teacher of reciting al-Quran and a Malay language writer. Abdullah's success was endorsed by the Malay community by making Abdullah an expert in Malay language and Quran reciting teachers. Non-Malays such as China and others were also confirmed Abdullah's behavior the same way as the Malays regarding his language skills. When dealing with the Englishman, Abdullah made his own self-

verification as an expert on Malay-language, progressive thinking and pro-English culture. As a result, the British confirmed Abdullah's behavior by accepting him as a bilingual translator, for both Malay and English language. Abdullah was also accepted by the British pastor as an editor of the Bible which has been translated into Malay. However, among the Malay community it is unacceptable to Abdullah's working as an editor of the gospel. Probably they are worry that Abdullah Munsyi's faith in Islam has been deflected. Although he edited the Gospels, Abdullah made his self-verification that he was not apostate, he is still a Moslem and performed the fifth Islamic pillar by pilgrimage to Mecca to perform Hajj. But anyhow, this self-verification was still not accepted and he was labeled as *Abdullah Paderi* (Abdullah the Christian missionary). This study will contribute to the study of Abdullah's works. This study also opened a further study opportunity on identity negotiations to other Malay literary works.

Bab 1

Pendahuluan

1.0 Pengenalan

Abdullah Munsyi ialah nama yang tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan Melayu di rantau ini. Kehadiran beliau bersama-sama karyanya dalam kesusasteraan dan persuratan Melayu turut memberikan sumbangan dan pembaharuan kepada dunia kesusasteraan dan persuratan Melayu. Kenyataan ini dipersetujui oleh sarjana seperti Amin Sweeney (2005), Kassim Ahmad (2004), Bottom, J.C (1960), dan Jan Van Der Putten (2006). Hal dan kajian tentang Abdullah Munsyi juga telah banyak dibincangkan oleh para sarjana lain selain yang namanya disebutkan ini dalam bidang kesusasteraan Melayu. Perkara ini dibincangkan dengan lebih khusus dalam bahagian sorotan kajian terdahulu di dalam tesis ini. Walaupun begitu, masih ada aspek yang dapat digali daripada hasil karya Abdullah Munsyi. Hal ini nyata apabila muncul ilmu dan pendekatan baharu yang dapat diaplikasikan untuk mengkajinya. Kajian ini ingin mengkaji rundingan identiti yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi.

Kajian ini memilih bidang komunikasi antara budaya, iaitu satu bidang yang menjelaskan cara dan kaedah seseorang memahami antara satu sama lain walaupun mereka tidak berkongsi rangkaian budaya yang sama. Komunikasi antara budaya secara umumnya dapat difahami sebagai beberapa proses interaksi dan penyesuaian diri, mengenali diri sendiri dan mengenali persekitaran seluruh kehidupan seseorang. Dalam teori komunikasi antara budaya pula ada satu cabang teori yang dikenali

sebagai teori rundingan identiti (*identity negotiation*). Apabila membincangkan persoalan komunikasi antara budaya, kita akan memerhatikan seseorang berinteraksi dengan beberapa pihak lain yang berbeza latar belakang dari pelbagai sudut.

Setelah meneliti karya autobiografi dan travelog Abdullah Munsyi, didapati beliau telah menceritakan riwayat hidupnya yang dilahirkan sebagai Peranakan Keling dan pengembaraannya yang telah memberikan beliau kesempatan melakukan komunikasi antara budaya dalam kehidupan bersama-sama masyarakat di persekitarannya. Tambahan pula, Abdullah Munsyi berpeluang melawat negeri-negeri Melayu di luar Melaka dan Singapura yang mendedahkan beliau pada unsur-unsur yang belum pernah ditemuinya sebelum beliau belayar keluar dari Melaka dan Singapura.

Istilah Peranakan Keling merujuk pada golongan yang juga dikenali sebagai Jawi Peranakan. Menurut Khoo Salma Nasution (2002: 44), istilah Jawi Peranakan telah mula digunakan secara rasmi dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat* tahun 1871. Istilah ini digunakan untuk golongan Muslim yang lahir daripada darah campuran di Negeri-negeri Selat, iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Melaka dan Singapura ialah kota pelabuhan dan kota-kota inilah yang menjadi lokasi persekitaran kehidupan Abdullah Munsyi. Seorang lagi tokoh yang pernah membicarakan definisi Peranakan Keling ialah Mohd. Yusoff Latiff. Beliau telah menggunakan frasa Jawi Peranakan seperti yang berikut (Mohd. Yusoff Latiff dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010: 98):

Jawi Peranakan merupakan satu masyarakat berdarah campuran antara Melayu dengan Arab, India Muslim, Bengali (Pakistan), Punjabi, Gujerat dan Afghani. Masyarakat pendatang ini dikatakan telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan dan generasi baru mereka dikenali sebagai Jawi Peranakan.

Seterusnya, menurut Sohaimi Abdul Aziz pula (Sohaimi Abdul Aziz dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010: 71):

Jawi Peranakan adalah kaum yang terhasil daripada perkahwinan campur antara wanita Melayu dengan kaum India Muslim atau kumpulan Islam yang lain seperti Malabari, Benggali, Gujerat, Pathan dan Pakistan.

Selain Jawi Peranakan, frasa Jawi Pekan juga digunakan untuk golongan ini. Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (2010: 3) menjelaskan bahawa:

Jawi Pekan membawa maksud lebih luas. Ia bukan sahaja merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, Tamil, Benggali, Punjabi, Gujerat dan Afghani. Istilah ini juga digunakan sebagai rujukan kepada mana-mana masyarakat Islam yang bukan berasal daripada masyarakat Melayu tempatan.

Dengan kata lain, Peranakan Keling merujuk golongan yang lahir daripada perkahwinan campur antara orang Melayu dengan bangsa lain, seperti India Muslim, Benggali dan Arab. Istilah Peranakan Keling, Jawi Peranakan dan Jawi Pekan merujuk golongan yang sama. Berdasarkan pengamatan pengkaji, istilah Jawi Pekan wujud kerana sangat sesuai secara geografi kebanyakan golongan ini sememangnya tinggal di kawasan pekan atau bandar, di kawasan perniagaan dan di kota pelabuhan. Kebanyakan mereka juga melibatkan diri dengan perniagaan dan bekerja di sekitar kawasan bandar yang memerlukan kemahiran menulis dan membaca. Kemahiran ini diakui dan sering ditekankan oleh Abdullah Munsyi dalam autobiografi dan travelognya. Hal ini menunjukkan sedikit perbezaan dengan persekitaran hidup orang Melayu yang biasanya tinggal di kampung atau di kawasan kuala sungai dan menjadi petani dan nelayan.

Dalam kehidupan harian, budaya Peranakan Keling nampaknya tidak sama dan tidak diamalkan oleh masyarakat Melayu. Contohnya ialah komunikasi dwibahasa campuran Tamil dan Melayu, cara atau fesyen berpakaian serta amalan tertentu, salah satunya ialah perayaan Asyura Hassan serta Hussein. Omar Yusoff yang pernah mengkaji hal ehwal Peranakan Keling menyatakan (Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010: 8):

Dalam membentuk satu kelompok peralihan, iaitu daripada kelompok India Muslim kepada Melayu, kebanyakan mereka dikatakan masih lagi mengagung-agungkan darah keturunan India yang mengalir dalam tubuh badan mereka berbanding darah keturunan Melayu ... berpunca daripada adanya tanggapan setereotaip terhadap masyarakat Melayu seperti miskin, suka kepada hiburan, malas serta tanggapan-tanggapan negatif yang lain. Justeru dalam keadaan tertentu, masyarakat Jawi Peranakan akan menyamakan diri mereka dengan orang Melayu. Sebaliknya, apabila orang Melayu dikaitkan dengan pandangan-pandangan yang negatif, mereka lebih berbangga dengan darah keturunan India Muslim atau Arab.

Daripada petikan di atas dapat diperhatikan gelagat Peranakan Keling ini yang meletakkan diri mereka lebih tinggi (superior) berbanding dengan orang Melayu, namun jika ada hal yang tertentu, iaitu hal yang positif dan menguntungkan, mereka akan menyamakan identiti mereka dengan Melayu. Dari segi bahasa, sebahagian mereka boleh berbahasa Tamil apabila diperlukan, dari segi pakaian jika bersama orang Melayu mereka boleh mengenakan pakaian Melayu tetapi mereka akan berubah jika sesama mereka, termasuklah dalam istiadat perkahwinan dan lain-lain. Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (2010:3) juga menyatakan bahawa orang Melayu umumnya melihat golongan Peranakan Keling ini boleh berubah-ubah identiti.

Jawi Peranakan menjadi rakyat negeri-negeri di Tanah Melayu kerana mereka termasuk dalam masyarakat yang beragama Islam dan mereka menyamakan identiti

mereka dengan Melayu, iaitu melalui persatuan politik Melayu tertentu. Persatuan mereka juga bersama-sama orang Melayu memperjuangkan hak orang Melayu menentang Malayan Union (Mohd Yusof Latiff dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010:102). Pada masa yang sama sebaliknya, jika orang Melayu dikaitkan dengan hal yang negatif sifatnya, seperti kekampungan, malas, kotor dan lain-lain, mereka lebih berbangga menyatakan mereka ialah golongan darah campuran, Peranakan Keling bukan Melayu (Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010:8). Pendirian seperti ini akan menyebabkan golongan Melayu mempunyai sentimen terhadap golongan ini. Perkara yang dapat menyatukan mereka dan membolehkan mereka mengakui mereka adalah sebahagian masyarakat Melayu ialah agama Islam. Satu lagi hal yang menyatukan mereka dengan Melayu ialah bahasa Melayu yang digunakan dalam kebanyakan urusan harian dengan orang Melayu di Malaysia. Kenyataan ini benar sekali dan disokong oleh Ahmad Murad Merican (dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz, 2010: 68) yang membuat kenyataan tentang keturunan peranakan ini seperti yang berikut:

Dalam hal yang lain, faktor agama, iaitu agama Islam yang mempersatukan antara Melayu dengan Jawi Peranakan. Golongan ini ialah golongan yang taat beragama Islam. Agama Islam telah merentasi identiti kacukan dengan Melayu asli.

Keturunan Melayu dan keturunan Peranakan Keling disatukan oleh agama Islam. Gelagat Peranakan Keling boleh berubah-ubah demi kepentingan tertentu. Ciri-ciri Peranakan Keling yang diperkatakan ini pula ada pada diri Abdullah Munsyi. Abdullah Munsyi menunjukkan beliau dapat melakukan rundingan identiti dengan orang Melayu yang beragama Islam, pada masa yang sama juga beliau dapat bercampur dengan orang bukan Islam, seperti pihak paderi Kristian dan pegawai

kompeni Inggeris. Yang lebih menarik, pihak-pihak yang didekati beliau itu dapat menerima beliau sebagai rakan, murid yang rajin belajar bahasa Melayu dan jurubahasa bahkan ada yang menganggapnya sebagai seorang yang alim. Seterusnya dengan pihak Inggeris pula, Abdullah Munsyi dapat mencapai kesefahaman dengan pihak berkenaan walaupun Inggeris mempunyai latar belakang agama dan budaya yang berbeza.

1.1 Penyataan Masalah

Berdasarkan karya *Sejarah Melayu* yang disusun oleh Tun Sri Lanang didapati interaksi antara orang Melayu dengan keturunan Peranakan Keling telah berlaku semenjak dahulu, yakni zaman kesultanan Melayu Melaka. Kewujudan Peranakan Keling dalam kehidupan orang Melayu sudah lama dan tercatat kisahnya dalam karya agung *Sejarah Melayu*. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam berinteraksi ada sentimen identiti dan pertentangan antara golongan Melayu tempatan dengan Peranakan Keling. *Sejarah Melayu* ada menceritakan kisah suasana politik saat-saat kejatuhan kerajaan Melayu Melaka yang dikatakan antara penyebabnya ialah sikap Bendahara Tun Mutahir sebagai pemimpin Tamil-Islam (Peranakan Keling istilah yang digunakan oleh Abdullah) yang lebih mementingkan kaumnya dan hal ini menyebabkan kaum Melayu-Islam (Melayu tempatan) berasa tidak puas hati, kenyataan daripada buku *Malaysia Kita* (ILBS, 2000: 25). Sentimen antara golongan Melayu tempatan dengan Peranakan Keling masih berlanjutan, antaranya adalah seperti kebanyakan mereka masih mengagung-agungkan darah keturunan India yang mengalir dalam tubuh badan mereka berbanding darah keturunan Melayu (Omar Yusoff, 2010:8). Oleh sebab itu mereka ini dianggap bukan Melayu tulen.

Ketegangan dan perselisihan antara golongan Peranakan Keling dengan Melayu tempatan dalam pengamatan pengkaji secara tersirat dapat terjadi dalam hal yang berkaitan dengan taraf sosial dalam masyarakat, kekuasaan dan politik, budaya, adat istiadat serta amalan kebiasaan masing-masing. Kajian ini telah mengesani satu hal iaitu sebagai Peranakan Keling, Abdullah Munsyi telah menyesuaikan dirinya dengan pelbagai pihak yang berlainan budaya semasa hidupnya. Beliau dikelilingi oleh masyarakat Melayu Islam sebagai golongan majoriti di persekitaran kehidupannya bersama golongan pendatang yang lain, seperti Peranakan Keling, Cina, India dan Inggeris. Walaupun Abdullah Munsyi berketurunan Peranakan Keling, beliau menyatakan bahawa beliau menjadi guru bahasa Melayu kerana dalam waktu yang sama beliau juga bekerjasama dengan pihak Inggeris dalam hal mengajarkan dan memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu. Hal ini dapat ditemui dalam karya beliau yang berjudul *Hikayat Abdullah*. Abdullah Munsyi melakukan rundingan identiti beliau semasa menjalani kehidupan bersama-sama Inggeris, oleh itu Abdullah Munsyi sanggup memikul tugas mengedit bahasa kitab Injil yang ditulis dalam bahasa Melayu. Abdullah Munsyi menyatakan perbuatan ini mengakibatkan beliau digelar sebagai Abdullah Paderi. Dalam situasi begini, iaitu situasi yang memerlukan Abdullah Munsyi menggunakan kebijakan dalam menjalani kehidupan, beliau perlu melakukan rundingan identiti dengan kelompok masyarakat ini, agar beliau dapat diterima hidup bersama-sama. Persoalan cara Abdullah Munsyi melakukan rundingan identiti dalam karyanya ini amat menarik untuk dikaji.

Abdullah Munsyi menunjukkan bahawa beliau telah menjalani pengalaman hidup yang sangat menarik melalui autobiografi dan travelognya. Dalam autobiografi dan travelognya, Abdullah Munsyi banyak menggambarkan pendiriannya yang tidak

menyukai beberapa unsur dalam budaya tradisional yang diamalkan oleh orang tempatan, termasuklah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Walaupun begitu, dalam waktu yang sama beliau boleh hidup bersama-sama orang Melayu. Oleh hal yang demikian, cara Abdullah Munsyi hidup bersama-sama orang Melayu walaupun beliau mewarisi identiti Peranakan Keling menjadi satu perkara yang menarik untuk dikaji dengan lebih lanjut. Identiti Peranakan Keling ini diketahui berdasarkan kenyataan beliau tentang asal usul keturunannya. Sejauh manakah Abdullah Munsyi dapat melakukan rundingan identiti ini dan seterusnya mengapa beliau perlu merundingkannya? Persoalan-persoalan yang timbul ini menjadi hal yang menarik untuk dimunculkan dalam kajian.

Berdasarkan *Hikayat Abdullah* , Abdullah Munsyi menceritakan beliau dapat diterima oleh masyarakat Melayu sebagai orang Melayu, guru agama (mengaji al-Quran), guru bahasa Melayu dan akhirnya sebagai salah seorang pengarang dalam kesusasteraan Melayu. Walaupun mewarisi darah keturunan Peranakan Keling, Abdullah Munsyi diterima oleh orang Melayu sebagai individu penting dalam aspek agama Islam walaupun persoalannya bagaimanakah caranya Abdullah Munsyi menyesuaikan dirinya dalam masyarakat Melayu? Setersunya, semasa hidupnya Abdullah Munsyi juga diterima oleh pihak Inggeris ke dalam kelompok mereka. Pertanyaan yang timbul, adakah sebab Abdullah Munsyi berketurunan Peranakan Keling maka beliau diterima oleh Inggeris? Pada masa yang sama, masyarakat Melayu Islam yang berada dekat dengan kehidupan Abdullah Munsyi tidak suka akan Inggeris. Abdullah Munsyi (2004) ada menyatakan orang Melayu menjauhkan diri daripada Inggeris kerana amalan budaya Inggeris yang sangat berbeza melanggar segala pantang-larang Melayu, ditambah lagi dengan kegiatan Inggeris yang

menyebarkan ajaran Kristian. Cara Abdullah Munsyi memasukkan dirinya ke dalam golongan masyarakat Melayu ini sangat menarik untuk dikaji.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis rundingan identiti yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi apabila berhadapan dan berinteraksi dengan golongan sasaran beliau iaitu masyarakat Melayu, bukan Melayu dan Inggeris. Sumber data melalui kisah-kisah yang diceritakan oleh beliau dalam tiga buah karya beliau yang telah disebutkan sebelumnya.
2. Objektif kedua ialah mengkaji bagaimana Abdullah Munsyi melakukan rundingan identiti dengan golongan sasaran tersebut.
3. Objektif ketiga adalah untuk mengetahui hasil yang diperoleh Abdullah Munsyi daripada rundingan identiti yang dilakukan oleh beliau semasa berhadapan dan berinteraksi dengan golongan sasaran tersebut.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dalam bidang kesusasteraan Melayu. Antara kepentingan yang utama ialah kajian ini dapat menyumbangkan rujukan tentang rundingan identiti Abdullah Munsyi sebagai Peranakan Keling. Berdasarkan karya-karyanya, Abdullah Munsyi menyatakan bahawa beliau telah menyaksikan kehidupan tradisional orang Melayu, kaum pendatang dan kehidupan zaman

kemasukan kuasa Barat, terutamanya Inggeris ke dunia Melayu. Dalam hal ini, sejarah boleh mencatatkan nama individu yang terlibat, tarikh dan peristiwa sahaja. Karya-karya Abdullah Munsyi pula bukan hanya memuatkan catatan kaku peristiwa tertentu malah memuatkan kisah keterlibatan beliau dengan watak tertentu dan pemikiran beliau dalam hal tertentu. Ciri-ciri penceritaan dan keterlibatan diri beliau dalam cerita ini menjadikan karya yang diusahakan oleh Abdullah Munsyi sebagai hasil sastera. Dalam karyanya dapat ditemui bahawa Abdullah Munsyi telah membuat verifikasi sendiri dan pengesahan gelagat dalam berinteraksi bersama-sama kaum lain atau individu lain dalam peristiwa tertentu untuk meraih kehendak tertentu.

Daripada karya Abdullah Munsyi didapati catatan tentang individu tertentu yang terlibat membuat keputusan bersejarah hingga kesannya dapat disaksikan sampai sekarang, misalnya kisah mula terlepasnya Singapura kepada Inggeris. Nama-nama ini masih diabadikan di tempat-tempat tertentu seperti di Singapura dan Melaka. Abdullah Munsyi menceritakan bahawa beliau menyaksikan peristiwa itu dan menjalani kehidupan dengan mereka yang terlibat, Abdullah Munsyi mengarang kisah itu kepada kita, hal ini yang sedikit membezakan karya Abdullah Munsyi jika dibandingkan dengan dokumen sejarah. Kisah yang dimaksudkan ialah peristiwa penyewaan Singapura kepada Inggeris yang dilakukan oleh Sultan Husin Syah yakni bagi Abdullah Munsyi ia memaparkan pengesahan gelagat kurang bijak penguasa tempatan dengan pihak penjajah Inggeris yang akhirnya menyebabkan Inggeris berjaya mengambil alih tanah Singapura daripada kekuasaan raja Melayu. Abdullah Munsyi (2004) menyatakan bahawa Singapura pada masa itu menjadi tempat berkumpulnya lanun yang kerjanya merompak kapal dagang setelah lemahnya

pentadbiran kerajaan Melayu Johor-Riau. Pulau Singapura dimajukan Inggeris sehingga menjadi sebuah pelabuhan penting. Peristiwa ini sangat penting diketahui supaya dapat dijadikan teladan kepada kita semua.

Kajian ini juga penting kerana menjadi satu lagi hasil sumbangan terhadap rujukan sastera tentang pengarang yang muncul dalam dunia sastera dan persuratan Melayu, iaitu pada jangka waktu yang sangat menarik dan setakat ini belum ditemui pengarang lain yang muncul sewaktu dengan beliau yang menulis karya sastera sebanyak Abdullah Munsyi. Karyanya diteliti untuk dijadikan sebagai rujukan, khususnya tentang pandangan Peranakan Keling dalam kehidupan di kota pelabuhan, seperti Melaka dan Singapura terhadap kehidupan kaum lain. Daripada pengalaman Abdullah Munsyi, kita akan dapat melihat beberapa hal, seperti perbezaan pendapat, kritikan atau pujian dari sudut pandangan beliau terhadap masyarakat Melayu, Cina dan Inggeris. Pembaca dapat menilai karyanya, sama ada pengalaman beliau hendak atau tidak dijadikan teladan kehidupan atau tips untuk hidup bersama-sama kaum lain. Kajian ini menjadi penyambung kepada kajian sebelumnya yang dihasilkan secara akademik oleh beberapa pengkaji, seperti Kassim Ahmad (1997, 2004), Hadijah Rahmat (1998, 1999) Jan Van Der Putten (2006), Siti Aisyah Murad (1996) dan beberapa orang sarjana¹ lagi yang sepakat menyatakan bahawa karya-karya Abdullah Munsyi memang berada pada kedudukan yang tersendiri, iaitu berbeza daripada hasil karya tradisional sastera Melayu. Aspek inilah yang menjadi ciri penting dan pengkaji berpandangan bahawa kajian terhadap Abdullah Munsyi ini masih perlu dilanjutkan.

¹ Dibincangkan dalam bahagian sorotan kajian.

Usaha berterusan untuk mengkaji karya Abdullah Munsyi penting kerana kajian ini akan menjadi satu lagi sumbangan atau bahan rujukan terhadap kajian karya autobiografi dan travelog yang ada dalam sastera Melayu. Hal ini demikian kerana karya Abdullah Munsyi yang dipilih ini adalah antara genre sastera autobiografi dan travelog yang awal dalam sejarah kesusasteraan Melayu. Ia dikatakan awal berdasarkan waktu yang diterbitkan iaitu sekitar 1790-1888 Masehi.. Karya-karya ini penting dikaji kerana hasilnya memberikan sumbangan terhadap kajian kesusasteraan dan pengkaji lain yang mengkaji sudut interaksi antara budaya, khususnya persoalan identiti terhadap karya sastera yang lain pula.

Karya Abdullah Munsyi yang dipilih digolongkan dalam kategori autobiografi dan travelog kerana mengandungi catatan riwayat hidupnya dan cerita daripada pengalaman pelayaran yang disertainya. Riwayat kehidupannya meliputi kisah kehidupan Abdullah Munsyi berinteraksi dengan masyarakat Melayu tempatan, peniaga Cina, pihak Inggeris yang terdiri daripada pegawai pentadbiran dan mubaligh atau pendakwah Kristian. Tambahan pula pada zaman itu, menurut Abdullah Munsyi, beberapa tindakan rundingan identiti beliau tidak dilakukan oleh orang lain yang hidup sezaman dengannya. Begitu juga halnya dengan kajian terhadap Abdullah Munsyi dengan menggunakan pendekatan teori rundingan identiti kerana sudut identiti dan rundingan identiti Abdullah Munsyi belum dikaji oleh pengkaji yang membuat kajian tentang Abdullah Munsyi sebelum ini. Oleh hal yang demikianlah kajian ini penting dilakukan.

Kepentingan lainnya ialah aspek interaksi budaya dan komunikasi antara budaya dalam dunia tanpa sempadan. Suasana kehidupan dewasa ini memerlukan kebijakan

untuk merundingkan identiti agar dapat membantu kehidupan seseorang berada dalam arus deras globalisasi bersama-sama masyarakat di seluruh dunia. Kajian ini akan membongkar cara rundingan identiti yang telah dilakukan oleh Abdullah Munsyi. Pembongkaran dilakukan dengan mengkaji cerita dan pengalamannya berkomunikasi kala itu. Abdullah Munsyi telah melalui proses komunikasi antara budaya pada peringkat awal di latar dunia Melayu pada era kemasukan budaya Inggeris. Kebijakan yang pernah digunakan Abdullah Munsyi dapat diketahui melalui kajian ini. Kebijakan taktik beliau menyesuaikan dirinya dalam masyarakat telah membawa Abdullah Munsyi berada pada kedudukan yang tertentu. Berdasarkan ceritanya, dapat dikatakan beliau disukai oleh pihak Barat dan tempatan. Kajian ini akan muncul sebagai sebuah lagi hasil kajian kesusasteraan Melayu yang selari dengan kajian budaya umumnya, identiti khususnya dan tentang identiti golongan berdarah campuran.

Kesimpulannya ialah dapatan kajian ini membawa satu perspektif dan penemuan sebuah kaedah lagi dalam mengkaji hasil sastera. Berbeza daripada kajian terhadap Abdullah Munsyi sebelumnya kerana kajian ini menyelidiki aspek verifikasi sendiri dan pengesahan gelagat yang dilakukan oleh Abdullah Munsyi yang menjadikan beliau berjaya menghasilkan karyanya. Kajian ini diharapkan berguna kepada peminat, pengkritik, pengkaji sastera dan pengkaji budaya yang mengaplikasikan pula teori ini dalam kajian ilmiah yang lain. Kajian ini juga dapat dijadikan model kepada orang lain yang ingin mengkaji hasil sastera yang lain pula. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat menimbulkan rasa minat dan sifat menghargai karya sastera berbentuk autobiografi dan travelog. Minat dan sikap positif terhadap karya sastera akan dapat melahirkan golongan pengkaji, pengkritik dan pembaca yang

dapat menghargai hasil sastra sebagai ilmu dan panduan dalam kehidupan, khususnya dalam mendapatkan kebijakan tersirat melalui karya Abdullah Munshi.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dibatasi hanya pada tiga buah karya Abdullah Munshi. Karya tersebut ialah *Hikayat Abdullah* (1888) yang diterbitkan semula oleh Yayasan Karyawan tahun 2004, untuk *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Kelantan* (1790) dan *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Mekah* (1817). Dirujuk pada naskhah yang disusun oleh Amin Sweeny (2005). Versi pilihan ini dipilih kerana pengkaji anggap versi terbaik antara versi-versi lain.

Ketiga-tiga buah karya ini dipilih kerana karya-karya ini didapati mengisahkan kehidupan narator dan persekitarannya. Karya-karya ini juga dapat disifatkan sebagai representasi besar kepada Abdullah Munshi sendiri. Sebagai seorang yang suka mencatatkan peristiwa yang disaksikan dan mengembara, pengalamannya banyak diabadikan dalam dua bentuk genre, iaitu autobiografi dan travelog. Autobiografi ialah karya yang ditulis oleh pengarang tentang dirinya dan persekitarannya melalui kaca matanya sendiri. Menurut *The New Columbia Encyclopedia* (1975: 298), autobiografi bermaksud:

... reconstruction in print or on film, of the lives of real men and women an individual's interpretation of his own life ...

Dalam bahasa Melayu dapat difahami autobiografi ialah catatan kehidupan dan kehidupan seseorang. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (www.dbp.gov) menyatakan, autobiografi bermaksud riwayat hidup yang ditulis sendiri. Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* 4th ed. (1989:68)

autobiografi diertikan sebagai, *story of a person's life written by that person*. Ketiga-tiga rujukan tentang makna autobiografi menunjukkan maksud yang sama, iaitu tulisan tentang kehidupan sendiri yang ditulis sendiri oleh seseorang. Dalam hal ini, Abdullah Munsyi telah menghasilkan *Hikayat Abdullah* untuk menceritakan riwayat hidupnya kepada kita. Makna travelog pula menurut Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (www.dbp.gov) ialah sesuatu ceramah, filem, brosur dan sebagainya yang berkaitan dengan pelbagai kisah perjalanan dan pengembaraan. Dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary* 4th ed. (1974:1365) travelog diertikan sebagai: ... *film or lecture about travel*. Dalam *Merriam-Webster Dictionary online* travelog bermaksud *a speech, movie, or piece of writing about someone's experiences while traveling*. (<https://www.merriam-webster.com/dictionary/> muat turun 12 Januari 2017). Berdasarkan beberapa sumber rujukan yang dinyatakan, travelog ialah catatan tentang perjalanan dan pengembaraan seseorang. Dalam hal ini, Abdullah Munsyi telah menghasilkan travelog melalui karyanya *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura Sampai ke Kelantan* dan *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura Sampai ke Mekah*.

Oleh hal yang demikian, dalam bahasa Melayu dapat difahami autobiografi ialah sebuah tulisan yang melakarkan rekonstruksi dalam bentuk cetakan tentang kehidupan seseorang atau interpretasi kehidupannya. Karya berbentuk autobiografi boleh dianggap sebagai karya sastera kerana genre ini mengandungi mesej atau rangkaian peristiwa dan boleh juga dianggap sebagai rekaan cerita kerana karya ini mengandungi susunan cerita, watak seseorang dan peristiwa. Travelog pula ialah sejenis catatan perjalanan atau pengembaraan seseorang. Hal yang dikongsi oleh

autobiografi dan travelog adalah dari segi catatan peristiwa, kisah dan watak. Kelainannya ialah travelog tidak lagi mencatatkan latar belakang kelahiran, keluarga, dan kehidupan peribadi narator sebagai pengarangnya.

Karya sastera berbentuk autobiografi dan travelog ialah genre yang sesuai untuk bidang kajian interaksi dan rundingan identiti kerana kedua-duanya mengandungi peristiwa perjalanan hidup seseorang dengan lebih dekat dan peribadi sifatnya. Kajian ini mengkaji dengan lebih dekat kehidupan dan kemandirian Abdullah Munsyi dalam melakukan rundingan identiti untuk hidup di persekitaran masyarakat yang berbilang kaum dan berbeza identiti.

Dalam bahagian ini dibicarakan justifikasi pemilihan tiga buah karya dalam kajian ini. Pertama, teks *Hikayat Abdullah* dipilih kerana dalam teks ini Abdullah Munsyi menceritakan sejarah perjalanan hidupnya sejak awal kelahiran sehinggalah beliau dewasa. Teks ini penting kerana ia menceritakan perkara-perkara penting dalam sejarah kehidupan Abdullah Munsyi yang bermula daripada satu saranan sahabat orang Putih beliau supaya mengarang karya ini. Tambahan lagi, skop teks ini menunjukkan Abdullah Munsyi telah berkongsi dengan pembaca cara beliau menjalani kehidupannya dalam masyarakat berbilang kaum di Melaka dan di Singapura. Banyak peristiwa penting yang dilalui dalam kehidupan Abdullah Munsyi dapat ditemui dalam teks ini.

Teks *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Kelantan* pula dipilih kerana skop karya ini mengisahkan interaksi Abdullah Munsyi keluar daripada latar budaya yang ada di Singapura dan di Melaka, iaitu kota pelabuhan ke negeri-negeri

Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Berdasarkan catatan beliau dalam karya ini, pengkaji mendapati Abdullah Munsyi telah mengalami satu interaksi budaya. Karya travelog ini ialah catatan pengalaman Abdullah Munsyi belayar ke Kelantan dengan misi, iaitu memohon jaminan perlindungan terhadap kapal pedagang dari Singapura. Interaksi dengan pedagang berketurunan Cina dilakarkan oleh Abdullah Munsyi dalam travelog ini. Pelayaran ini juga memberikan Abdullah Munsyi kesempatan berinteraksi dengan orang Melayu di Pahang dan di Kelantan. Dalam karya ini terdapat beberapa kenyataan yang jelas tertumpu pada identiti dan kehidupan masyarakat Melayu di Kelantan. Teks ini juga menunjukkan bahawa Abdullah Munsyi merundingkan identitinya yang terbentuk daripada kehidupannya di Melaka dan di Singapura, iaitu kota pelabuhan yang menyaksikan perbezaan budaya dan identiti manusia dengan kehidupan Melayu yang disaksikan di Kelantan. Skop kajian berkisar pada hal rundingan identiti verifikasi sendiri dan pengesahan gelagat Abdullah Munsyi dengan beberapa golongan sasaran di Kelantan yang ditemuinya.

Teks travelog *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Mekah* dipilih kerana teks ini mengisahkan pengalaman Abdullah Munsyi belayar dari Singapura ke Mekah pula. Teks ini melakarkan cerita Abdullah Munsyi tentang perjalanannya untuk mengerjakan haji. Dalam hal ini didapati Abdullah Munsyi juga membuat rundingan identiti merangkumi verifikasi sendiri dan pengesahan gelagat yang menampilkan identitinya sebagai seorang Islam. Teks ini juga menunjukkan rundingan identiti Abdullah Munsyi terhadap budaya golongan sasaran yang berbeza dengan budaya dunia Melayu dalam pelayarannya ke Mekah. Skop kajian berkisar pada hal rundingan identiti verifikasi sendiri dan pengesahan gelagat Abdullah

Munshi dengan beberapa golongan sasaran yang ditemuinya. Kisah pelayaran ke Mekah ini ialah karyanya yang terakhir sebelum beliau meninggal dunia.

1.4.1 Pengenalan Teks Kajian

Pengenalan terhadap teks yang dikaji di sini bukanlah bersifat sinopsis. Pengkaji hanya memperkenalkan karya yang dipilih. Karya yang akan dikaji terdiri daripada tiga buah karya besar Abdullah Munshi. Karya tersebut yang pertama ialah *Hikayat Abdullah*, kedua *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Kelantan* dan ketiga *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Mekah*. Teks yang terpilih ini terdiri daripada sebuah karya yang berbentuk autobiografi dan dua buah lagi karya bersifat travelog. Ketiga-tiga karya ini mengandungi kisah, catatan hidup dan pengembaraan Abdullah Munshi.

Hikayat Abdullah ialah karya yang paling banyak dicetak ulang beberapa versi, seperti versi bahasa Inggeris dan versi bahasa Melayu untuk bacaan murid sekolah di Malaysia dan ada juga versi Indonesia. Karya Abdullah Munshi ini mengandungi 29 (dua puluh sembilan bab). Karya ini memuatkan kisah kehidupan Abdullah Munshi dari awal kelahirannya dengan catatan peristiwa yang disaksikan oleh Abdullah Munshi dan insan yang pernah hadir dalam kehidupannya. Karya ini merupakan karya Abdullah Munshi yang paling besar berdasarkan kenyataan Kassim Ahmad (2004). Di permulaan karya ini Abdullah Munshi mencatatkan bahawa karya ini ditulis atas permintaan sahabatnya seorang paderi. Sarjana seperti Kassim Ahmad (2004) dan Amin Sweeney (2005), mempercayai paderi itu ialah paderi Alfred North yang berasal dari Amerika. Karya ini ialah sebuah karya yang sangat menarik untuk

dibaca kerana Abdullah Munsyi membawa pembaca kembali ke era 1800-an hingga 1840-an di sekitar landskap Melaka dan Singapura.

Karya kedua ialah sebuah travelog kisah pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan atau judul lengkapnya ialah *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Kelantan* yang mencatatkan pelayarannya melewati negeri-negeri Melayu di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Catatan ini ialah satu catatan perjalanan yang amat menarik bagi Abdullah Munsyi yang berketurunan Peranakan Keling yang membesar di kota pelabuhan Melaka dan Singapura. Beliau menyaksikan keadaan dan adat budaya tradisional orang Melayu di negeri Melayu yang bukan kota perdagangan serta belum dimasuki oleh pengaruh Inggeris. Pelayaran ini berjaya sampai ke Kelantan. Kisah pelayaran bermula dengan tawaran pekerjaan daripada seorang pedagang berketurunan Cina di Melaka bernama Baba Koh An kepada Abdullah Munsyi. Abdullah Munsyi ditawarkan untuk menjadi jurubahasa kepada Baba Koh An dan pegawai Negeri Selat Inggeris bernama Grandpre. Grandpre ialah pegawai yang membawa surat kompeni Inggeris memohon perlindungan keselamatan terhadap kapal atau perahu dagang dan para peniaga dari Negeri Selat yang berniaga di Kelantan. Abdullah Munsyi menyatakan bahawa menurut Baba Koh An, Grandpre tidak memahami bahasa Melayu oleh Abdullah Munsyi akan berfungsi sebagai jurubahasanya untuk memudahkan interaksi mereka dengan pihak kerajaan Kelantan. Pelayaran berkenaan menurut Abdullah berbahaya kerana suasana di Laut Cina Selatan tidak selamat akibat ancaman lanun yang suka merompak kapal dagang dan perang saudara merebut takhta di Kelantan yang sedang berlaku. Abdullah Munsyi ada melakarkan hal yang pelik pada pandangan beliau berkenaan amalan orang Melayu di Pahang, di Terengganu dan di Kelantan. Di sinilah dapat

ditemui kenyataan Abdullah Munsyi yang disifatkan oleh beliau sendiri sebagai “keras” terhadap orang Melayu. Memang benar apabila membaca karya ini kita dapat merasakan bahawa ada sahaja perkara yang tidak berkenan di mata Abdullah Munsyi tentang amalan kehidupan orang Melayu di Kelantan.

Karya ketiga juga sejenis travelog yang menceritakan kisah perjalanan Abdullah Munsyi mengerjakan haji ke Mekah. Daripada teks ini didapati, sebagai orang Islam Abdullah Munsyi ingin melengkapkan Rukun Islam. Karya ini merupakan karya terakhir Abdullah Munsyi sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir. Abdullah Munsyi menceritakan perjalanannya ke Mekah yang baginya sangat jauh. Pelayaran tersebut memerlukan beliau berhenti di beberapa pelabuhan penting sebelum sampai ke pelabuhan Jeddah. Abdullah Munsyi mengisahkan urusan mengerjakan haji ketika itu melibatkan satu tempoh perjalanan laut yang lama yang akan melalui beberapa pelabuhan persinggahan, seperti pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, Aceh, Sialan (Sri Lanka) dan lain-lain sebelum sampai ke Mekah. Berdasarkan cerita Abdullah Munsyi, mereka bukan sahaja terpaksa menempuh perjalanan yang lama malah mereka juga harus menempuh cuaca yang ada kalanya teruk dan menakutkan. Kesempatan singgah di beberapa tempat dan peluang melihat pelbagai ragam orang ini tidak disia-siakan oleh Abdullah Munsyi. Kesempatan ini ialah kesempatan yang baik untuk menulis kisah perjalanannya. Perkara yang disaksikan Abdullah Munsyi sama ada budaya orang, bangunan atau pemandangan ialah hal yang menarik untuk diceritakan oleh Abdullah Munsyi dalam kisah pelayaran ke Mekah. Sebagai contoh, pemandangan alam sekitar dan adat budaya kehidupan orang lain yang berbeza di beberapa pelabuhan menjadi bahan cerita Abdullah Munsyi. Dalam karya ini beliau menceritakan suasana manusia dan tempat yang disinggahinya. Abdullah

Munsi juga pada pelayaran kali ini berjumpa dengan pelbagai jenis manusia dan adat sekitar India dan Timur Tengah pula. Abdullah Munsi juga banyak menceritakan kekagumannya terhadap seni bina Islam, seperti masjid, menara, bangunan dan kolam air yang dilihatnya di India. Abdullah Munsi juga sempat menceritakan kehairanan beliau tentang tabiat buruk orang di India yang tidak menggunakan jamban untuk membuang air. Beliau terkejut dengan amalan membuang air secara terbuka di pantai. Karya ini lebih pendek daripada karya sebelumnya. Abdullah Munsi ada memuatkan syair tentang kembaranya ke Tanah Suci itu. Pengkaji mendapati catatan Abdullah Munsi dalam pelayaran ke Mekah lebih berfokus pada hubungan manusia dengan Penciptanya. Kelihatan sekali Abdullah Munsi telah mempersiapkan dirinya untuk melengkapkan Rukun Islam yang kelima. Tidak begitu banyak catatan perbandingan kehidupan yang ditulis oleh Abdullah Munsi dalam perjalanan yang terakhirnya. Pengkaji mendapati teks ini lebih ringkas dan sederhana dari segi penyampaiannya jika dibandingkan dengan kisahnya belayar ke Kelantan sebelum itu.

1.5 Kesahihan

Bahagian ini membincangkan perihal kesahihan kisah yang dipaparkan oleh Abdullah Munsi kepada pembaca karyanya. Kupasan kajian ini tidak berhasrat untuk memburukkan dan jauh sekali menuduh Abdullah Munsi tidak bercakap benar. Hal berkenaan kesahihan cerita yang digarap oleh Abdullah Munsi memang disedari dan dapat dipersoalkan. Bermula dengan kisah pelayaran ke Kelantan yakni misi utama ke Kelantan adalah untuk meminta kerjasama dan bantuan daripada pihak Sultan Kelantan untuk menjamin keselamatan kapal dan perahu dagang dari

Singapura oleh dua orang wakil iaitu wakil pentadbiran Singapura dan pedagang Cina dari Singapura. Kehadiran Abdullah Munsyi dalam pelayaran itu hanyalah sebagai penterjemah kepada pegawai Inggeris yang tidak pandai berbahasa Melayu. Abdullah Munsyi diupah oleh seorang ketua pedagang berketurunan Cina untuk urusan ini. Walaupun begitu, dalam perlayaran ini Abdullah Munsyi menampilkan dirinya sebagai watak utama dalam urusan ke Kelantan. Dalam teks ini, sebenarnya dua orang utusan penting iaitu seorang yang bernama Grandpre dan yang mewakili pentadbiran Inggeris dan seorang wakil pedagang Cina bernama Baba Koh An adalah orang yang penting mempunyai urusan dengan kerajaan Kelantan. Tetapi, Abdullah Munsyi lebih memperkatakan persoalan budaya masyarakat Melayu Kelantan yang asing pada pandangannya. Kisah interaksi beliau dengan wakil istana Kelantan yang bernama Tengku Temena terlihat seperti satu misi dakwah Islam pula. Tindakan Abdullah Munsyi ini menurutnya mendapat respons yang sangat baik sehingga beliau hendak dicadangkan menjadi kadi di Kelantan. Beberapa contoh penceritaan ini dapatlah dipersoalkan kesahihannya kerana fungsi Abdullah Munsyi ke Kelantan yang sebenarnya adalah hanya sebagai penterjemah upahan, tidak lebih daripada itu. Dari segi kesusasteraan, jelaslah teks ini ialah sebuah hasil sastera yang mengandungi unsur penceritaan yang mengangkat Abdullah Munsyi sendiri sebagai watak utama. Teks ini bukanlah *itinerary* atau jadual perjalanan kaku yang hanya menyatakan waktu masuk, waktu berlepas seseorang yang mahu menaiki feri atau kapal terbang, melainkan sebuah karya sastera bersifat travelog yang ada unsur penceritaan tentang narator sebagai watak utama carita. Dengan kata lain, kisah ini ialah kisah tentang Abdullah Munsyi bukan kisah orang lain. Kisah ini sesuai dengan judul yang diberikan, iaitu *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dari Singapura Sampai ke Kelantan*.

Seterusnya ialah lakaran dalam *Hikayat Abdullah* tentang peristiwa iaitu pertabalan Sultan Husin Syah oleh pihak Inggeris sebagai sultan di Singapura. Terdapat unsur imaginatif iaitu Abdullah Munsyi telah menggambarkan riak wajah Sultan Husin yang tersenyum simpul setelah berbincang di dalam sebuah bilik seolah-olah beliau ialah salah seorang yang turut terlibat dalam urusan itu, walhal beliau tiada kenamengena langsung dengan peristiwa pertabalan itu. Boleh disifatkan kisah ini ialah sebahagian unsur mengangkat diri narator untuk memberitahu pembaca kisahnya bahawa beliau bukan calang-calang orang kerana beliau berada dalam kalangan pihak pemerintahan negeri. Sejak permulaan dalam *Hikayat Abdullah* diketahui bahawa Abdullah Munsyi hanya bekerja sebagai jurutulis yang menyalin semula hikayat lama yang dibeli oleh Raffles untuk disimpan oleh Raffles sebagai koleksinya. Jurutulis tugasnya terbatas menulis dan menyalin semula hikayat lama itu sahaja. Peristiwa perjanjian Sultan Hussin dengan Inggeris yang diceritakan benar terjadi (rujukan <http://hids.arkib.gov.my>), namun soal kesahihan yang digambarkan oleh Abdullah Munsyi seolah-olah beliau juga terlibat sama semasa peristiwa itu dengan menceritakan wajah Sultan Hussin Syah tersenyum simpul masih dapat dipersoalkan. Hal ini demikian kerana Abdullah Munsyi tidak ada apa-apa hubungan dengan kekuasaan Melayu dan juga pentadbiran Inggeris.

Dalam teks *Kisah Pelayaran Abdullah dari Singapura Sampai ke Mekah* kehebatan diri Abdullah Munsyi masih dimuatkan oleh beliau, sebagai contohnya kisah kekaguman orang besar Turki terhadap beliau kerana melihat Abdullah Munsyi pandai menulis. Kisah kali ini pula Abdullah Munsyi menyatakan bahawa nakhoda kapal yang ditumpangi beliau yang menceritakan kehebatan yang ada pada Abdullah

Munsi kepada orang Turki ini. Kepandaian yang dimiliki oleh beliau ini jika diketahui oleh Basyah pasti Abdullah Munsi diambil berkhidmat dengannya (dapat dirujuk di dalam kisah pelayaran Abdullah Munsi ke Mekah). Abdullah Munsi menggunakan teknik pengangkatan kehebatannya tidak lagi secara langsung. Berlapik-lapik pula Abdullah Munsi memunculkannya, untuk kes ini kesahihan dapat dipersoalkan, iaitu tentang kesahihan nakhoda ini memperkenalkan Abdullah Munsi kepada orang Turki dengan begitu baik. Walaupun begitu hasilnya sama sahaja, iaitu memperlihatkan kepintaran Abdullah Munsi kepada orang lain.

Perkara yang ditimbulkan dalam bahagian ini bukan bertujuan untuk menuding jari dan menuduh bahawa pembohongan dilakukan oleh Abdullah Munsi, akan tetapi sudah menjadi sifat akademik seseorang pengkaji yang berfikiran kritis terhadap sesuatu yang diperhatikannya. Tidak menerima sesuatu secara bulat-bulat memang tentang sesuatu hal menjadi kebiasaan seseorang pengkaji, dalam kes ini hal yang sama terjadi terhadap pembacaan karya-karya Abdullah Munsi.

1.6 Sorotan Kajian

Antara sarjana yang pernah mengulas atau mengkaji karya Abdullah Munsi dalam bentuk buku teks ialah Kassim Ahmad. Kassim Ahmad (2004) telah mengusahakan suatu huraian yang dimuatkan dalam naskah *Karya Agung Hikayat Abdullah* terbitan Yayasan Karyawan. Beberapa hal yang telah dihuraikan oleh Kassim akan dibincangkan di sini.